

Media Asia Timur disaran

UM - 7 AUG 2003

KUALA LUMPUR 6 Ogos — Organisasi media Asia Timur disaran bekerjasama mewujudkan arkib sendiri di Internet supaya rujukan tentang sesuatu isu dapat menonjolkan pandangan dan analisis negara-negara rantau ini.

Penyelidik Universiti Keio, Jepun, Akiko Kato berkata, walaupun banyak sumber maklumat kini boleh

diperoleh melalui Internet, namun begitu kebanyakannya didominasi oleh media barat.

Mempengaruhi

Beliau yang mempunyai pengalaman berkhidmat selama 20 tahun dengan akbar Mainichi Shinbun mendedahkan bagaimana media barat mempengaruhi pandangan dunia melalui liputan berat sebelah mereka.

wujud arkib dalam Internet

“Pengalaman menemubual sendiri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad membuka mata saya bahawa pemimpin Malaysia itu bukan seorang diktator seperti yang digambarkan oleh media barat.

“Media barat juga menulis seolah-olah kerajaan Malaysia akan tumbang bila-bila masa tetapi hakikat sebenarnya bukan sedemikian,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika membentangkan hujah pada sesi perbincangan mengenai ‘Sumbangan Media Kepada Komuniti Asia Timur’ pada Kongres Asia Timur Pertama di sini hari ini.

Kato kesal kerana media Asia Timur belum berjaya menjalankan tanggung jawab sosial membangkitkan kesedaran masyarakat terhadap beberapa isu penting di rantau ini.